

ISLAM SIAH DAN KEBANGSAAN

PERATURAN YANG KERAS KEPADA SAHABAT-SAHABAT RASULULLAH

Apa yang telah diterangkan oleh Doktor Taha Hussein di dalam tiga keluaran yang lalu atas hal ehwal siasah Saidina

Umar itu belumlah sempurna lagi kerana ada lagi perihal siasahnya yang besar yang telah dijadikan dasar pemerintahannya.

Dasar ini yang utamanya ialah atas langkah-langkahannya terhadap kepada sahabat-sahabat Rasulullah yang utama yang terdiri daripada ketua-ketua bagi kaum Muhajirin dan Ansar (sahabat-sahabat yang berpindah daripada Mekah ke Madinah dan sahabat-sahabat daripada Madinah) mereka yang tersebut ialah sahabat-sahabat Nabi yang mempunyai kedudukan yang istimewa di sisi Rasulullah (SAW) dan kepada mereka itulah tersimpul semua perkara kaum Muslimin; kepada merekalah Saidina Umar bermesyuarat dan meminta rundingan di dalam perkara-perkara yang mengenai pertadbiran pemerintahan.

TEMPELAK KEPADA UMAR IBNU AL-KHATAB

(4)

Sekalipun Saidina Umar menjadi khalifah al-Muslimin tetapi ia berpendapatan bahawa kedudukan setara dengan mereka dan oleh yang demikian bagaimanakah cara siasahnya terhadap mereka itu (sahabat-sahabat Rasulullah tadi?)

Kepada golongan ini Saidina Umar telah menjalankan dua cara – yang berupa keras dan lemah lembut yakni kedua-duanya sekali. Saidina Umar menjadikan mereka sebagai menteri-menterinya tempat meminta rundingan dan mengambil nasihat tetapi ia takut pula jangan kelak mereka diperdayakan orang dan ia juga takut jangan ia memperdayakannya; dengan sebab itu maka ia mengambil keputusan menahan mereka itu tetap bermaustin di Madinah dan tidak membenarkan mereka itu keluar sama sekali melainkan dengan izinnya kerana ia takut jangan-jangan rakyat jelata kelak menimbulkan sesuatu fitnah kerana terpengaruh daripada sahabat-sahabat yang berpengaruh itu.

Ia juga takut kalau-kalau mereka akan terpedaya kerana memandang orang ramai boleh membesar-besarkan mereka yang dengan kerana itu ditakuti akan berkesan kepada kerajaan Islam yang dibawah pimpinannya. Hal Saidina Umar menahan mereka ini tak dapat disangkal telah menjadikan mereka berkeluh kesah terutamanya daripada sahabat-sahabat Muhajirin. Dalilnya yang nyata

atas kejadian ini dapat dilihat tatkala Saidina Uthman menjadi khalifah di dalam mana mereka itu dibebaskan dan diberi izin ke mana sahaja mereka itu suka dan dengan kerana itu maka mereka itu pun pergilah merata-rata memasuki negeri-negeri Islam yang luas itu dan sudah barang tentu mereka bersukacita kepada langkah Saidina Uthman yang tersebut.

Tetapi beberapa tahun kemudian akhirnya mereka itu juga tak berkenan kepada tadbir siasah Saidina Uthman Radhi Allahu Anhu: dan timbullah kedatangan fitnah yang ditakuti oleh Saidina Umar dan makin terserlah kepada orang-orang yang kemudiannya bagaimana jauh pandangan dan kebijaksanaan khalifah Umar al-Farouk itu.

Kepada sahabat-sahabat yang utama itu Umar Ibnu al-Khatab telah pun menetapkan sara hidup masing-masing sebagai “Ayafan Siasah” supaya mereka tidak payah mencari sara hidup masing-masing. Mereka dikehendaki hanya duduk diam mengawal, memerhati dan menasihatinya di dalam semua perkara-perkara yang berkaitan dengan maslahat-maslahat Islam sungguhpun ada ketetapan yang diberi olehnya tetapi mereka tidak diam sebagaimana dikehendaki oleh Umar Ibnu al-Khatab bahkan mereka telah menjalankan perniagaan sehingga mereka telah menjadi kaya raya. Ia tidak dapat menegah langkah-langkah mereka menjalankan perniagaan itu kerana mereka telah pun menjalankan semenjak zaman Rasulullah dan Rasulullah sendiri tak pernah menegah mereka tetapi sungguhpun begitu Saidina Umar tidak berkenan melihat

mereka dan orang-orang Islam yang lain semakin bertambah kaya raya disebabkan kurnia Allah yang telah didatangkan kepada mereka daripada harta-harta rampasan perang dan pemberian yang telah dibahagi-bahagikan kepada mereka pada tiap-tiap tahun – kerana itulah didapati Umar Ibnu al-Khatab berkata menunjukkan bahawa ia tak bersenang melihat keadaan yang demikian itu seperti katanya : “ Sekiranya saya berpeluang memerintah lebih lanjut maka saya akan mengambil harta-harta yang berlebih-lebihan daripada orang yang kaya raya dan saya akan bahagi-bahagikan kepada sekalian fakir miskin !”

Tetapi dengan malangnya tidak lama antaranya ia telah ditikam oleh seorang bangsa Parsi dan telah meninggal dunia dengan suatu cita-cita yang tak dapat ditunaikan. Sekiranya panjang usia Amirul Mukminin itu nescaya sejarah Islam akan berpeluang melihat jasanya yang cemerlang itu dengan lebih indah dan lebih bergilang gemilang. Kerajaan Islam yang terajunya dipegang dari sehari ke sehari menerima harta semakin banyak daripada ceruk rantau jajahan takluknya dan kerana terlampau banyaknya itu ia telah jadi hairan, tak tahu bagaimana cara hendak menggunakannya menurut jalan yang sebaik-baiknya dan kerana itu ia meminta fikiran sahabat-sahabat Rasulullah yang lain.

Ali bin Abi Talib mengesyorkan mengikut cara yang telah menjadi kebiasaan digunakan pada masa yang lalu iaitu tidak menurut cara yang sesuai dengan keadaan hidup pada masa itu dengan katanya : “ Bahagilah semua hasil-hasil negeri yang tiba itu sehingga apabila genap setahun janganlah ada hendaknya berbaki di dalam Baitulmal satu dirham atau pun satu dinar. Melainkan kepada mereka yang berhak menerimanya.”

Saidina Uthman Bin Affan lain pula fikirannya sebagaimana katanya : “Saya lihat hasil negeri bertimbun-timbun sekiranya tidak dihitung dan ditulis kira-kiranya nescaya hasil-hasil itu tidak dapat diatur pembahagiannya dengan baik.” Akhirnya Umar Ibnu al-Khatab mengambil keputusan seperti yang terbentang di dalam tawarikh iaitu semua nama ahli-ahli tentera dan orang-orang yang berhak menerima itu didaftarkan dan segala urusan kerajaan bertulis belaka dan disusun dengan rapi. Ia

membahagi-bahagikan hasil negeri yang telah menjadi hak orang ramai itu kepada hak orang ramai dan sebahagian hasil itu dibiarkan disimpan di dalam Baitulmal bagi maslahat-maslahat umum.

Cara yang telah diambil olehnya berkenaan dengan membahagikan hasil negeri itu adalah suatu cara yang semudah-mudahnya tetapi disana ada satu cara yang diikuti oleh Saidina Umar di dalam soal ini dengan lebih jauh lagi. Menurut pandangan penulis rencana ini telah terbayang-bayang kepadanya bahawa umat yang maju hari ini sedang terkial-kial mencuba mengikuti cara yang telah dibentuk oleh khalifah Umar itu dan rasanya bangsa2 yang berkemajuan sekarang tidak dapat menjalankan melainkan setelah mereka menghadapi ujian-ujian yang payah dan sangat sulit.

Cara yang disebutkan itu ialah - Umar Ibnu al-Khatab yang berpendapatan dan telah pun mengisytiharkan bahawa semua harta benda yang datang daripada jajahan-jajahan takluk daripada hasil-hasil negeri dan lain-lainnya itu adalah menjadi hak semua umat Islam; ia berpendapatan bahawa ia bertanggungjawab mengawal hasil-hasil yang tersebut dan membahagikannya kepada sekalian rakyat jelata, dan sebab itulah ia telah pernah berkata : “Sekiranya seekor unta yang telah didapati oleh kerajaan daripada hasil zakat tercedera atau hilang kerana tidak berkawal dengan sempurna maka sudah barang tentu aku akan disoal di hadapan Qadi Rab al-Jalil pada hari kiamat kelak.”

Katanya lagi : “Jika Tuhan lanjutkan usiaku nescaya tiap-tiap seorang rakyat jelata akan menerima bahagiannya daripada hasil negeri itu walau pun ia seorang penggembala kambing yang berkedudukan di Sana’a” (di negeri Yaman).

Ia telah mengatur bahagian masing-masing seseorang lelaki ada bahagiannya, perempuan ada bahagiannya, kanak-kanak ada bahagiannya, seorang tua yang tidak larat ada bahagiannya hati tiap-tiap seorang yang tercedera salah satu daripada anggotanya pun ada bahagiannya. Dengan pembahagian-pembahagian yang tersebut Khalifah Umar telah menyangka bahawa ia telah dapat menjalankan keadilan sebagaimana yang dikehendakinya; tetapi pada suatu malam ia telah lalu berhampiran dengan sebuah rumah dan mendengar suara seorang kanak-kanak menangis.

pada kali yang kedua, apabila ia lalu disitu terdengar lagi suara kanak-kanak menangis dan apabila ia bertanya kepada ibunya maka perempuan itu menjawab dengan suatu jawapan. Ia meneruskan pula perjalanannya, pada kali yang ketiga tatkala ia lalu ditempat itu juga ia mendengar kanak-kanak itu menangis dan dengan itu ia pun mendesak kepada ibu kanak-kanak itu supaya menyatakan sebab-sebabnya.

Akhirnya perempuan itu telah mengaku iaitu ia memaksa menceraikan susu anaknya itu kerana Amirul Mukminin Umar tidak memberi ia bahagian hasil-hasil yang menjadi hak orang ramai itu yang diharapkan sekurang-kurangnya kepada kanak-kanak yang telah bercerai susu itu.

Apabila mendengar keterangan perempuan tersebut maka ia pun berdukacita atas kejadian itu dan pada keesokkan harinya ia memberi perintah supaya dicanangkan diseluruh teluk rantau jajahannya: “Janganlah kamu terburu-buru mencari susu kanak-kanak yang masih menyusu; mulai dari sekarang kerajaan sedia memberi bahagian (bantuan) kepada kanak-kanak yang baharu dizahirkan.

(bersambung)

AWAS BARANG TIRUAN

Bagi pengetahuan orang ramai inilah diberitahu bahawa ada minyak rambut “Zam-zam” tiruan sekarang ini dijual orang dalam pasaran yang menyerupai tanda perniagaan kita. Janganlah tertipu dengan barang tiruan tersebut. Perhatikanlah dengan cermat sebelum tuan-tuan membeli minyak rambut “Zam-zam” yang tunggal dan sejati.

ZAM ZAM CHEMICAL WORKS
74, JALAN BESAR, SINGAPORE

WASIAT YANG BERTAMBAH

Tiga (golongan manusia) yang tidak diajak “bercakap” oleh Allah pada hari kiamat, disucikan mereka, tidak dipedulikan mereka akan mendapat seksa yang pedih: (iaitu) orang tua yang berzina, raja pendusta dan orang miskin yang sombong – (hadis sahih riwayat Muslim al-Nisaa'i)

-----*-----*-----

Kedengkian itu merosakkan iman sebagaimana jadam merosakkan madu – (hadis Sahih riwayat Dillmi).

-----*-----*-----

“Pangkal hikmat itu ialah takut kepada Allah” – (hadis sahih riwayat Hakim dan Ibnu Awal)

-----*-----*-----

Kemuncak iman itu empat jenis – sabar menerima hukum, redha menerima takdir, ikhlas dalam bertawakal dan menyerah diri kepada Tuhan. – (hadis sahih riwayat Abu Naim)

-----*-----*-----

Datangilah isterimu apabila sahaja engkau suka, dan beri makanlah apabila engkau makan, pakaikanlah pakaian apabila engkau berpakaian dan janganlah engkau keruhkan mukanya dan jangan engkau pukul akan dia. – (hadis sahih riwayat Abu Daud)

-----*-----*-----

“Dua perkara yang ditekankan balasannya di dunia – berbuat zalim dan durhaka kepada ibu bapa” – hadis sahih riwayat Al-Hakim.

-----*-----*-----

Kecewa dan rugilah seorang hamba yang Allah Taala tidak jadikan jadikan di dalam hatinya balas kasihan kepada manusia - Hadis